

KENDERAAN BARU DI PERAIRAN KITA



DEMONSTRASI *air boat* di Tasik Biru semalam dengan membawa 10 orang termasuk pemandu.

BARU SAMPAI. Selepas memperkenalkan hoverkraf yang berharga RM300,000, sebuah syarikat tempatan kini bercadang membawa masuk pula 'air boat' iaitu kenderaan pacuan kuasa angin yang diperbuat di Itali.

Namun sasaran pelanggan mereka ialah kepada pihak

berkuasa atau organisasi penyelamat yang mungkin memerlukan kenderaan marin yang mampu memecut sehingga 70 knot (129 kilometer sejam).

Menurut Jurulatih Prometeo (M) Sdn. Bhd. (Prometeo), Rohaizi Md. Hussin, pihaknya belum lagi

menetapkan harga kenderaan itu kerana ia baru tiga minggu dibawa masuk dari Itali.

Apa yang menarik katanya, ia mampu bergerak pada permukaan air yang hanya sedalam 0.3 meter dan dijana enjin 260 kuasa kuda.

"Ia juga boleh membawa sehingga 10 penumpang dan dijamin tidak tersangkut kerana kipas enjin diletakkan lebih tinggi pada bahagian belakang," katanya sewaktu demonstrasi *air boat* dan hoverkraf itu di Tasik Biru, Rawang semalam.